

## **PROMOSI DISKAUN YURAN PENDAFTARAN UNTUK PEWARISAN ASNB**

### (“Kempen”)

#### **A) Terma dan Syarat**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini berlangsung dari jam 00.00 (GMT +8) pada 1 Oktober 2025 sehingga jam 23.59 (GMT +8) pada 31 Disember 2025 (“Tempoh Kempen”). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan memenuhi kelayakan melanggan perkhidmatan Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah (juga dikenali sebagai Pewarisan ASNB) (“Pewarisan ASNB”), termasuk semua kakitangan dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan syarikat kumpulan milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“Kumpulan PNB”) dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai (“Peserta”):
  - i. ASNB;
  - ii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W));
  - iii. PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A));
  - iv. PNB Research Institute Sdn Bhd (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U));
  - v. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201901007717 (1317044-M));
  - vi. PNB Commercial Sdn Berhad (No. Pendaftaran 200001015419((518026-P))); dan
  - vii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah ASNB.
4. Objektif Kempen ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar daripada pemegang unit dalam melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB dengan meningkatkan kesedaran mengenai Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah sebagai instrumen perancangan harta pusaka yang memudahkan proses tuntutan pelaburan ASNB oleh waris selepas pemegang unit meninggal dunia.
5. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat tawaran berikut:
  - (i) Peserta mestilah pemegang unit ASNB yang mempunyai sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB;
  - (ii) Peserta perlu mengekalkan baki minimum satu ribu (1,000) unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli KWSP) di dalam tabung unit amanah ASNB yang ingin didaftarkan di bawah perkhidmatan Pewarisan ASNB;
  - (iii) Peserta bukan pelanggan semasa perkhidmatan Pewarisan ASNB;

- (iv) Peserta boleh melakukan pra-pendaftaran dalam talian bagi perkhidmatan Pewarisan ASNB sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen; dan
- (v) Peserta mesti menyerahkan Dokumen Lengkap (seperti yang ditakrifkan di bawah) permohonan perkhidmatan Pewarisan ASNB (rujuk “Tawaran dan Mekanisme Kempen” di bawah) di mana-mana cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen. Bagi proses pra-pendaftaran dalam talian, Peserta mesti menyerahkan Dokumen Lengkap di mana-mana cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh siap pra-pendaftaran, dan penyerahan tersebut mestilah dilakukan dalam Tempoh Kempen.

6. Berikut adalah contoh senario untuk menggambarkan bagaimana Peserta boleh memenuhi syarat dan layak untuk mendapat tawaran Kempen ini.

#### **Senario 1**

Peserta hadir ke cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen dan menghantar Dokumen Lengkap bagi pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB. Peserta **layak** mendapat Tawaran Kempen dengan Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja yuran pendaftaran.

#### **Senario 2**

Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian untuk Pewarisan ASNB pada 15 September 2025. Pada 3 November 2025, Peserta menghantar Dokumen Lengkap di cawangan ASNB. Peserta **layak** mendapat Tawaran Kempen dengan Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja yuran pendaftaran kerana penghantaran Dokumen Lengkap dibuat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas pra-pendaftaran dalam talian dan dalam Tempoh Kempen.

#### **Senario 3**

Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap di cawangan ASNB pada 5 Januari 2026. Peserta **tidak layak** untuk mendapat tawaran Kempen dengan Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja yuran pendaftaran kerana penyerahan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB dilakukan selepas Tempoh Kempen. Peserta perlu membayar yuran pendaftaran pada kadar biasa sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lapan Puluh (RM180.00) sahaja jika ingin mendaftar untuk perkhidmatan Pewarisan ASNB.

#### **Senario 4**

Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian untuk Pewarisan ASNB pada 20 Oktober 2025. Pada bulan Januari 2026, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB dan penyerahan Dokumen Lengkap dilakukan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari setelah penghantaran pra-pendaftaran dalam talian. Peserta **tidak layak** menerima Tawaran Kempen dengan Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja yuran pendaftaran kerana penyerahan Dokumen Lengkap dilakukan selepas Tempoh Kempen. Peserta perlu membayar yuran pendaftaran pada kadar biasa sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lapan Puluh (RM180.00) sahaja jika ingin mendaftar untuk perkhidmatan Pewarisan ASNB.

#### **Senario 5**

Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian untuk Pewarisan ASNB pada 11 Ogos 2025. Pada 25 November 2025, Peserta menghantar Dokumen Lengkap di cawangan ASNB. Peserta **tidak layak** mendapat Tawaran Kempen kerana penghantaran Dokumen Lengkap dibuat melebihi tempoh sembilan puluh (90) hari selepas pra-pendaftaran dalam talian. Bagi layak untuk Tawaran Kempen, Peserta mesti melakukan semula pra-pendaftaran dalam talian and menyerahkan Dokumen Lengkap dalam Tempoh Kempen dan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh siap pra-pendaftaran.

**B) Tawaran dan Mekanisme Kempen**

- Peserta yang layak akan menerima tawaran diskaun yuran pendaftaran Pewarisan ASNB seperti berikut:

<b>Penerangan</b>	<b>Yuran Pendaftaran</b>
Mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB semasa Tempoh Kempen	Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja

- Peserta boleh melakukan pra-pendaftaran dalam talian bagi perkhidmatan Pewarisan ASNB sebelum menghantar dokumen yang diperlukan di cawangan ASNB atau memohon terus di mana-mana cawangan ASNB. Proses pendaftaran perlu diselesaikan dalam Tempoh Kempen.

<b>Proses</b>	<b>Pra-Pendaftaran dalam talian</b>	<b>Permohonan terus di cawangan ASNB</b>
Langkah 1	Lengkapkan pra-pendaftaran dalam talian di portal myASNB ( <a href="http://www.myasnbs.com.my">www.myasnbs.com.my</a> )	Hadir ke cawangan ASNB berdekatan.
Langkah 2	Cetak dan lengkapkan dokumen-dokumen berikut (“Dokumen Lengkap”): <ol style="list-style-type: none"> <li>Surat Kuasa Wakil;</li> <li>Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dan saksi yang telah disahkan benar daripada salinan asal; dan</li> <li>Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A)* (Akad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima/penjaga dan saksi-saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja).</li> </ol>	Lengkapkan dokumen-dokumen berikut (“Dokumen Lengkap”): <ol style="list-style-type: none"> <li>Borang Permohonan PH1A/PH1B*;</li> <li>Surat Kuasa Wakil</li> <li>Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dan saksi yang telah disahkan benar daripada salinan asal; dan</li> <li>Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A)* (Akad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima/penjaga dan saksi-saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja).</li> </ol>
Langkah 3	Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 dan lengkapkan pendaftaran di cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh penghantaran pra-pendaftaran dalam talian dan penyerahan ini mestilah dilakukan dalam Tempoh Kempen.  Sekiranya Peserta tidak menyerahkan Dokumen Lengkap di cawangan ASNB dalam tempoh	Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 untuk melengkapkan proses permohonan.

	<p>sembilan puluh (90) hari selepas melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian, dan jika Peserta ingin meneruskan pendaftaran, Peserta perlu membuat pendaftaran semula—sama ada dengan melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian yang baharu atau dengan memohon secara terus di mana-mana cawangan ASNB.</p>	
--	---	--

*Nota:* 1. Peserta dinaishatkan membuat janji temu untuk berurusan di cawangan ASNB melalui laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

2. Penyerahan Dokumen Lengkap mesti dilakukan semasa Tempoh Kempen untuk layak menerima tawaran Kempen ini.

3. \*Borang PH1A/PH1B terkini (V.01/2021) dan Surat Kuasa Wakil boleh dimuat turun dari laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

### C) Lain-Lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju untuk tertakluk dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
2. Sebarang keputusan oleh ASNB, sebagai pengajur bagi Kempen ini, bagi penerima ganjaran dan tawaran adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
3. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
  - 2.1. mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, (“Data Peribadi”) mengikut polisi privasi ASNB yang dinyatakan di laman web rasmi ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my); dan
  - 2.2. menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan kumpulan syarikat PNB, ejen yang diberi kuasa dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi Peserta secara sulit) bagi tujuan menyediakan Peserta produk dan perkhidmatan atau mana-mana perkhidmatan lain yang berkaitan dan sebarang tujuan lain yang berkaitan selaras dengan keperluan undang-undang yang berkaitan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
4. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB dan/atau Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.

5. ASNB dan/atau Kumpulan PNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, perang, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB dan/atau Kumpulan PNB.
6. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatal, menggantung atau menamatkan Kempen ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat Kempen ini pada bila-bila masa, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.
7. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria dan/atau gagal untuk mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau melanggar dasar ASNB atau undang-undang yang berkuat kuasa dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
8. ASNB dan/atau Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
9. ASNB berhak untuk menggantikan ganjaran atau tawaran dengan ganjaran atau tawaran lain yang setaraf nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.
10. Terma dan syarat ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau pernyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi sama ada bercetak atau elektronik.
11. Terma dan syarat ini tertakluk pada undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
12. Terma dan syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.